

SURAH YANG BERLUTUT



Surah: 45 Juzuk: 25 Bil. Ayat: 37

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Haa, Miim.
2. Kitab (al-Quran) ini diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
3. Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang beriman.
4. Dan pada kejadian diri kamu sendiri, serta binatang yang dibiakkannya, terdapat juga tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang meyakinkannya.
5. Dan (pada) pertukaran malam dan siang, serta rezeki (hujan) yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu Dia menghidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi setelah mematikannya, juga (pada) pergerakan angin, mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang berfikir.
6. Itulah ayat-ayat Allah yang Kami bacakan kepada engkau (wahai Muhammad) dengan kebenaran. Maka dengan perkataan yang manakah lagi mereka hendak beriman, setelah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

حَمِّ

تَنْزِيلِ الْكِتَابِ مِنَ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ

إِنَّ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّلْمُؤْمِنِينَ

وَفِي خَلْقِكُمْ وَمَا يَبُذُّ مِنْ دَابَّءٍ آتَتْ لِقَوْمٍ

يُؤْفِكُونَ

وَإِخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ

مِنْ رِّزْقٍ فَأَحْيَاهُ فِي الْأَرْضِ بَعْدَ مَوْتِهَا وَتَصْرِيفِ

الرِّيحِ آيَاتٌ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

تِلْكَ آيَاتُ اللَّهِ نَتْلُوهَا عَلَيْكَ بِالْحَقِّ قِيَامًا

حَدِيثَ بَعْدَ اللَّهِ وَعَآيَاتِهِ يُؤْمِنُونَ

penerangan Allah dan tanda-tanda kekuasaanNya?

7. Celakalah bagi setiap pendusta yang berdosa.
8. Yang mendengar ayat-ayat Allah dibacakan kepadanya, kemudian dia terus bersikap sombong, seolah-olah dia tidak mendengarnya. Maka gembirakanlah dia dengan azab yang sangat pedih.
9. Dan apabila dia mengetahui sesuatu daripada ayat-ayat Kami, dia menjadikannya ejekan. Mereka itu akan mendapat azab yang sangat hina.
10. Di belakang mereka ada neraka Jahannam (yang disediakan untuk mereka), dan apa yang mereka usahakan tidak memberi manfaat kepada mereka sedikitpun. Demikian juga apa yang mereka sembah selain Allah, tidak dapat memberikan sebarang perlindungan dan bagi mereka azab yang besar.
11. (Al-Quran) ini ialah hidayah dan orang yang ingkar kepada ayat-ayat Tuhannya, mereka akan mendapat azab berupa seksaan yang sangat pedih.
12. Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu agar kapal-kapal belayar padanya dengan perintahNya, agar kamu mencari rezeki daripada kurniaanNya dan agar kamu bersyukur.

وَيَلُّ لِكُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ ﴿٧﴾

يَسْمَعُ آيَاتِ اللَّهِ تُنَادِي عَلَيْهِ ثُمَّ يُصِرُّ مُسْتَكْبِرًا كَأَن لَّمْ يَسْمَعْهَا فَبَشِّرْهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٨﴾

وَإِذَا عَلِمَ مِنْ آيَاتِنَا شَيْئًا اتَّخَذَهَا هُزُوًا أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩﴾

مِنْ وَرَائِهِمْ جَهَنَّمُ وَلَا يُغْنِي عَنْهُمْ مَا كَسَبُوا شَيْئًا وَلَا مَا اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠﴾

هَذَا هُدًى وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ لَهُمْ عَذَابٌ مِّن رَّجَرٍ أَلِيمٍ ﴿١١﴾

﴿اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمْ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ وَتَتَّبَعُوا مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَلَا تَنسَوْنَ﴾ ﴿١٢﴾

13. Dan Dia memudahkan untuk kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi semuanya, (sebagai rahmat) daripadaNya, sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (kekuasaannya) bagi kaum yang berfikir.
14. Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang yang beriman: Hendaklah mereka memaafkan orang yang tidak takut kepada hari-hari Allah⁽¹⁾, kerana Allah akan membalas sesuatu kaum terhadap apa yang mereka telah usahakan.
15. Sesiapa yang melakukan kebaikan, maka faedahnya akan kembali kepada dirinya sendiri. Dan sesiapa yang melakukan kejahatan, maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri. Kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu.
16. Dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepada bani Israel kitab Taurat, kekuasaan dan pangkat kenabian, dan Kami telah merezekikan mereka dengan benda yang baik, serta Kami lebihkan (nenek moyang) mereka mengatasi semua bangsa yang sezaman dengan mereka.

وَسَخَّرْ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا
مِّنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

قُلْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا يَغْفِرُوا الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ
آيَاتَ اللَّهِ لِيَجْزِيَ قَوْمًا بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ
فَعَلَيْهَا ۖ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ ﴿١٥﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ
وَالنَّبُوَّةَ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ
عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

1 Hari-hari Allah ialah hari-hari sewaktu Allah menimpakan azab-azab kepada mereka.

17. Dan Kami juga telah memberikan mereka bukti-bukti yang nyata tentang urusan agama, maka mereka tidak bertelingkah kecuali setelah datang ilmu kepada mereka kerana perasaan dengki yang ada di kalangan mereka. Sesungguhnya Tuhanmu akan menghukum di antara mereka pada hari kiamat tentang apa yang mereka perselisihkan.
18. Kemudian Kami jadikan engkau mengikuti satu syariat daripada agama, maka ikutlah syariat itu. Janganlah engkau menurut nafsu orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).
19. Sesungguhnya mereka tidak sama sekali akan dapat menyelamatkanmu daripada (azab) Allah dan sesungguhnya orang yang zalim itu sebahagiannya menjadi pelindung kepada sebahagian yang lain (dalam perkara yang salah). Dan Allah menjadi pelindung bagi orang yang bertakwa.
20. (Al-Quran) ini menjadi pedoman yang membuka mata hati manusia, dan menjadi hidayah serta rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya).
21. Patutkah orang yang melakukan kejahatan menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang yang beriman dan beramal soleh, dengan

وَأَتَيْنَهُمْ بَيِّنَاتٍ مِنَ الْأَمْرِ فَمَا اخْتَلَفُوا
إِلَّا مِنَ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ إِنَّ
رَبَّكَ يَقْضِي بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا
كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٧﴾

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ
فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

إِنَّهُمْ لَنُغْنُواكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَإِنَّ
الظَّالِمِينَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَاللَّهُ وَلِيُّ
الْمُتَّقِينَ ﴿١٩﴾

هَذَا صِدْقٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ
يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ اجْتَرَحُوا السَّيِّئَاتِ أَن
نَجْعَاهُمْ كَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

menyamakan keadaan mereka ketika mereka hidup dan setelah mereka mati? Amat buruk apa yang mereka hukumkan itu.

22. Dan (ingatlah), Allah menciptakan langit dan bumi dengan kebenaran, dan setiap diri diberi balasan setimpal dengan apa yang mereka telah usahakan (baik atau jahat), sedangkan mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun.
23. Dengan yang demikian, apa pandanganmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan nafsunya sebagai tuhan yang dipatuhinya, dan dia pula disesatkan oleh Allah berdasarkan ilmuNya, dan dikuncikan pula pendengarannya dan hatinya, serta diletakkan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah kepadanya setelah Allah (menyesatkannya)? Maka mengapa kamu tidak mengambil pengajaran?
24. Dan mereka berkata: «Tiada kehidupan selain daripada kehidupan kami di dunia ini. Kami mati dan kami hidup dan tidak ada yang membinasakan kami melainkan peredaran masa». Sedangkan mereka tidak mempunyai ilmu tentang hal itu. Mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata.

سَوَاءٌ مَحْيَاهُمْ وَمَمَاتُهُمْ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١١﴾

وَخَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ
وَلِيُجْزِيَ كُلَّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ
لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٢﴾

أَفَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ وَأَصْلَهُ اللَّهُ عَلَى عِلْمٍ
وَخْتَمَ عَلَى سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ عَلَى بَصَرِهِ غِشَاوَةً
فَن يَهْدِيهِ مِنْ بَعْدِ اللَّهِ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا
يُهْلِكُنَا إِلَّا الدَّهْرُ وَمَا لَهُم بِذَلِكَ مِنْ عِلْمٍ إِنْ هُمْ
إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿١٤﴾

25. Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang nyata, tiada hujah bagi mereka selain daripada berkata:
«Bawakanlah nenek moyang kami jika kamu orang yang benar!»
26. Katakanlah (wahai Muhammad):
«Allah yang menghidupkan kamu, kemudian Dia akan mematikan kamu, kemudian Dia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat yang tiada sebarang keraguan tentang kedatangannya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui».
27. Dan bagi Allah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan ketika berlakunya hari kiamat. Pada saat itulah akan rugi orang yang berpegang kepada kebatilan.
28. Dan (pada hari kiamat) engkau akan perhatikan setiap umat berlutut (dalam keadaan cemas dan menunggu panggilan). Pada hari ini kamu akan dibalas atas apa yang kamu telah lakukan.
29. «Inilah kitab Kami, ia memberi keterangan terhadap kamu dengan kebenaran, kerana sesungguhnya Kami telah (perintahkan malaikat) menulis apa yang kamu telah lakukan».
30. Adapun orang yang beriman dan melakukan kebaikan, maka mereka akan dimasukkan oleh Tuhan mereka ke dalam

وَاذِنتَنَّا عَلَيْهِمْ ءَايَاتِنَا بَيِّنَاتٍ مَّا كَانَ حُجَّتَهُمْ إِلَّا
 أَنْ قَالُوا أَنْتَوْنَا بَآئِنَاتٍ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٥﴾

قُلِ اللَّهُ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُجْمَعُكُمْ إِلَى يَوْمِ
 الْقِيَامَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٦﴾

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ
 يُومِذِنُ بَعْضَ الْمَبْطُلُونَ ﴿٢٧﴾

وَتَرَى كُلُّ أُمَّةٍ جَاثِيَةً كُلُّ أُمَّةٍ تُدْعَى إِلَى كِتَابِهَا الْيَوْمِ
 تُخْرَجُونَ مَأْكُوتَةً تَعْمَلُونَ ﴿٢٨﴾

هَذَا كِتَابُنَا يُطِيقُ عَلَيْكُمْ بِالْحَقِّ إِنَّا كُنَّا
 نَسْتَنبِخُ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٩﴾

فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
 فَيُدْخِلُهُمْ رَبُّهُمْ فِي رَحْمَتِهِ ذَٰلِكَ هُوَ
 الْفَوْزُ الْمُبِينُ ﴿٣٠﴾

rahmatNya. Itulah kemenangan yang nyata.

31. Adapun orang yang kafir, bukankah ayat-ayatKu telah dibacakan kepada kamu, lalu kamu menyombongkan diri serta menjadi kaum yang sentiasa melakukan dosa?
32. «Dan apabila dikatakan (kepada kamu): Sesungguhnya janji Allah pasti benar, dan hari kiamat itu tiada keraguan tentang kedatangannya, kamu berkata: Kami tidak mengetahui apakah itu hari kiamat, kami hanya menduga-duga sahaja dan kami tidak sama sekali meyakininya».
33. Dan (pada ketika itu) ternyatalah kepada mereka kejahatan-kejahatan yang mereka telah lakukan, serta mereka dikelilingi oleh azab yang mereka persendakan itu.
34. Dan dikatakan (kepada mereka): «Pada hari ini Kami tidak hiraukan kamu (menderita azab) sebagaimana kamu tidak menghiraukan persediaan untuk menemui hari kamu ini, dan tempat kamu ialah neraka. Kamu tidak akan mendapati sesiapa pun yang dapat memberikan pertolongan.
35. «(Balasan buruk) yang demikian ini ialah kerana kamu telah menjadikan ayat-ayat Allah sebagai ejekan, dan kerana kamu

وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا أَفَلَمْ تَكُنْ آيَاتِي تُسْمَعُ عَلَيْكَ
فَأَسْتَكْبِرُ فَتُرَدُّ وَكُنْتُمْ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ﴿٣١﴾

وَلِذَا قِيلَ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَالسَّاعَةُ لَا رَيْبَ
فِيهَا قُلْتُمْ مَا نَدْرِي مَا السَّاعَةُ إِنْ نُنظَّرُ إِلَّا أَنْتُمْ
وَمَا نَحْنُ بِمُتَّبِعِينَ ﴿٣٢﴾

وَبَدَأَ لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا عَمِلُوا وَحَاقَ بِهِمْ
مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٣٣﴾

وَقِيلَ الْيَوْمَ نَنْسِفُكُمْ كَمَا نَسَبْنَا لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَذَا
وَمَا أَوْلَاكُمْ الْتَأْوِيلَ وَمَا لَكُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٣٤﴾

ذَلِكُمْ بِأَنَّكُمْ اتَّخَذْتُمْ آيَاتِ اللَّهِ هُزُوًا وَعَرَّضْتُمْ
الْحَيَاةَ الدُّنْيَا قَالِيَوْمَ لَا يُخْرَجُونَ مِنْهَا وَلَا هُمْ
يُسْتَعْتَبُونَ ﴿٣٥﴾

telah membiarkan diri kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia». Maka pada hari itu mereka tidak akan dikeluarkan daripada neraka, dan mereka tidak diberi peluang untuk bertaubat (memperbaiki kesalahannya).

36. Maka bagi Allah jualah segala pujian, Tuhan (pemilik) langit dan bumi, Tuhan semesta alam.
37. Dan bagiNya lah keagungan dan kekuasaan di langit dan di bumi. Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

فَلِلَّهِ الْحَمْدُ رَبِّ السَّمَوَاتِ وَرَبِّ الْأَرْضِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ ﴿٣٦﴾

وَلَهُ الْكِبْرِيَاءُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٣٧﴾

